



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1985
DR.7/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

[]

BAHAWASANYA adalah bermanfaat dipinda Kanun Tanah Negara bagi maksud semata-mata untuk menentukan keseragaman undang-undang dan dasar :

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa di tiap-tiap Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara berhubung dengan Negeri itu, melalui pemberitahuan dalam *Warta Persekutuan*, dan Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berhubung dengan Negeri itu.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2 RANG UNDANG-UNDANG

Pindaan
seksyen 5.
Akta 56/65.

2. Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (kemudian dari ini disebut "Kanun") adalah dipinda—

(a) dengan memotong takrif "commercial purpose";

(b) dengan memasukkan perkataan "and" di hujung perenggan (b) dalam takrif "rent", dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (c) dan dengan memotong perenggan (d) dalam takrif itu;

(c) dengan memotong takrif "residential purpose"; dan

(d) dengan memotong perkataan-perkataan "who shall act on the advice of the State Executive Council" dalam takrif "State Authority".

Pindaan
seksyen 52.

3. Seksyen 52 Kanun adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan dalam subseksyen (1), perkataan "four" dengan perkataan "three", dan perkataan-perkataan "commercial", "residential" dengan perkataan "building"; dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan "116A" dalam subperenggan (ii) perenggan (b) subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 56.

4. Seksyen 56 Kanun adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Where any land approved for alienation before the commencement of this Act has not been alienated by the time that the notification referred to in subsection (1) is published, the Land Administrator or Registrar, as the case may be, shall, unless the approval has previously lapsed, take action under Chapter 2 of Part Eleven to prepare, register and issue a document of qualified title to the intended proprietor and subject to subsection (4), the land shall be so

alienated before the date prescribed in the notification:

Provided that any fee in respect of the document of qualified title which the intended proprietor (other than the intended proprietor in lawful occupation of land in expectation of title) would be required to pay, shall become payable on alienation and unless sooner paid, shall be added to, and deemed for all the purposes of this Act to form part of the rent next due in respect of the land.”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:

“(4) Before the registration and issue of documents of qualified title under Chapter 2 of Part Eleven, the Land Administrator shall ascertain whether the items of land revenue specified in paragraphs (a) to (d) of subsection (1) of section 81 have been paid in respect of the land and, if under that section the approval of the State Authority to the alienation of the land lapses for non-payment of any such sum, the requirement of subsection (3) shall cease to apply thereto.”.

5. Seksyen 76 Kanun adalah dipinda dengan memasukkan ke dalam proviso, perkataan-perkataan “nothing in paragraph (aa) shall enable the State Authority to dispose of any part of the foreshore or sea-bed for a period exceeding ninety-nine years; and” selepas perkataan-perkataan “Provided that”.

Pindaan
seksyen 76.

6. Kanun adalah dipinda dengan memansuhkan seksyen 77A.

Pemansuhan
seksyen 77A.

7. Seksyen 80 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Upon” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “Subject to subsection (2) of section 81, upon”.

Pindaan
seksyen 80.

Pindaan
seksyen 81.

8. Seksyen 81 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (3) dengan koma bernoktah dan memasukkan proviso berikut:

"Provided that no fee chargeable in connection with the preparation and registration of documents of qualified title shall be payable if the approval of the State Authority was given under the provisions of a previous land law to a person who, pursuant to the approval, was at the commencement of this Act lawfully in occupation of the land in expectation of title."

Pindaan
seksyen 116.

9. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 116 dan kepala "CATEGORY: COMMERCIAL" dengan yang berikut:

" CATEGORY: BUILDING

Implied
conditions
affecting
land subject
to the
category
"building".

116. (1) Where any alienated land is subject by virtue of any provision of this Act to the category "building", the following implied conditions shall, subject to subsection (3), apply thereto—

(a) that, unless on the relevant date such a building already existed on the land, there shall within two years of that date be erected thereon a building suitable for use for one or more of the purposes specified or referred to in subsection (4);

(b) that no part of the land shall be used for agricultural or industrial purposes (except in so far as the erection or maintenance of any building for a purpose or purposes falling within paragraph (f) or (g) of subsection (4) may constitute such a use);

(c) that every building thereon (whensoever erected) shall be maintained in repair;

(d) that no such building shall be demolished, altered or extended without the prior consent in writing of the appropriate authority.

(2) In subsection (1) "relevant date" means the date on which any part of the land first became subject to the category.

(3) The conditions specified in subsection (1) shall be implied in the case of any land to the extent only that they are not inconsistent with any express conditions to which the land is for the time being subject.

(4) The purposes referred to in paragraph (a) of subsection (1) are the following—

- (a) residential purposes;
- (b) administrative or commercial purposes, or the purposes of passenger transport;
- (c) the purposes of exhibiting, selling by retail, repairing or otherwise dealing in any goods or commodities, or of providing any services;
- (d) the purposes of providing educational, medical, sanitary or other welfare facilities;
- (e) the purposes of entertainment, refreshment or recreation;
- (f) any purpose which the State Authority may prescribe for the purposes of this section by rules under section 14;
- (g) any purpose which the State Authority may think fit to authorise in the circumstances of any particular case;
- (h) any purpose incidental to a purpose falling within any of the preceding paragraphs."

10. Kanun adalah dipinda dengan memansuhkan seksyen 116A.

Pemansuhan
seksyen
116A.

11. Seksyen 122 Kanun adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 122.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Commercial, Residential and Industry" dengan perkataan-perkataan "Building and Industry" dalam nota birai; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “commercial”, the category “residential” dengan perkataan “building”, dalam seksyen itu.

Pindaan
seksyen 124.

12. Seksyen 124 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “, 116A” dalam perenggan (i) subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 138.

13. Seksyen 138 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “or in any other case, furnish to him a certificate by the Land Surveyors Board certifying to the effect that survey in respect of the land will be carried out,” dalam perenggan (a) subseksyen (4).

Pindaan
seksyen 143.

14. Seksyen 143 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “or in any other case, furnish to him a certificate by the Land Surveyors Board certifying to the effect that survey in respect of the land will be carried out,” dalam perenggan (a) subseksyen (4).

Pindaan
seksyen 149.

15. Seksyen 149 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “or in any other case, furnish to him a certificate by the Land Surveyors Board certifying to the effect that survey in respect of the land will be carried out,” dalam perenggan (a) subseksyen (4).

Pindaan
seksyen
157A.

16. Seksyen 157A Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “subsection (4)” dalam perenggan (a) subseksyen (2), perkataan-perkataan “of section 4”.

Pindaan
seksyen
157B.

17. Kanun adalah dipinda dengan menomborkan semula seksyen “157B. (1)” sebagai “157B.”.

Pindaan
seksyen 171.

18. Seksyen 171 Kanun adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “an acre” dengan perkataan-perkataan “a hectare” dalam perenggan (b) subseksyen (3); dan
(b) dengan memotong subseksyen (5).

19. Seksyen 177 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Subject to subsection (3), documents" dalam subseksyen (2), dengan perkataan "Documents".

Pindaan
seksyen 177.

20. Seksyen 180 Kanun adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 180.

(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan "subject to subsection (3) of section 80," selepas perkataan-perkataan "has been given," dalam subseksyen (1) dan perkataan-perkataan "or Registrar, as the case may be" selepas perkataan-perkataan "Land Administrator"; dan

(b) dengan menggantikan noktah bertindih di hujung subseksyen (2) dengan noktah dan memotong proviso kepada subseksyen tersebut.

21. Seksyen 183 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "or a certificate has been issued by the Land Surveyors Board certifying that the survey of the land will be carried out" dalam subseksyen (3).

Pindaan
seksyen 183.

22. Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 187A, seksyen baru 187AA seperti berikut:

Seksyen
baru 187AA.

"Power to issue title in continuation upon creation of a new district under section 160A. 187AA. Where the register document of title to any land held under qualified title comes under the jurisdiction of the Land Administrator of a new district following a notification in the *Gazette* under paragraph (a) of section 11, the provisions of sections 160B and 160C shall apply *mutatis mutandis* as they apply in the case where any register document of final title to any land comes within the boundaries of a new district."

23. Seksyen 204c Kanun adalah dipinda—

Pindaan
seksyen
204c.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan " , or over any lease or sublease thereof" dalam perenggan (a) subseksyen (2); dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan "or any interest therein" dalam perenggan (b) subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 205.

24. Seksyen 205 Kanun adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (4) dengan noktah bertindih dan menambahkan kepada subseksyen itu proviso berikut:

“Provided that any such dealing shall be in respect of the whole of the alienated land, interest therein or undivided share therein and shall be in favour of only one person or body.”; dan

(b) dengan menambahkan selepas subseksyen (4), subseksyen (5) baru seperti berikut:

“(5) Nothing contained in sub-sections (3) and (4) shall render invalid any instrument effecting any dealing in any alienated land, any interest therein or any undivided share therein executed before the commencement of subsections (3) and (4) and stamped in accordance with the provisions of *F.M. 59/49*, the Stamp Ordinance, 1949 either before or within one month after the commencement of the aforesaid sub-sections.”.

Pindaan
seksyen 327.

25. Seksyen 327 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(2) The Registrar shall, on being duly served with any order under this section for the removal of a caveat, cancel the entry thereof on the register document of title, and note thereon the reason for the cancellation and the date thereof.”.

Pindaan
seksyen
396A.

26. Seksyen 396A Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “new district,” dalam perenggan (b) subseksyen (1), perkataan-perkataan “new sub-district,”.

27. Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 409, seksyen baru 409A seperti berikut :

Seksyen
baru 409A.

"Survey by
Licensed
Land
Surveyor. 409A. Wherever under this Act, any survey fees are chargeable, such survey fees shall not be chargeable where the land is to be surveyed by a surveyor licensed to practise under the F.M. 11/58. Licensed Land Surveyors Ordinance 1958 and a certificate from the Land Surveyors Board certifying that the survey of the land will be carried out, is furnished."

28. Jadual Pertama Kanun adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Pertama.

(a) dengan menggantikan Borang 4AA dengan yang berikut :

"

National Land Code

Form 4AA

(Section 63)

LEASE OF RESERVED LAND

Term of..... Expiring on.....

Upon application by.....made
with the prior approval of the officer having control of the land
reserved under.....G.N. No.....

the land scheduled below and shown in the plan, being *the whole/
part of the said reserved land, is leased for the above term of
.....to.....

N.R.I.C. No.....subject to the conditions below,
in consideration of the due payment of the rent of \$.....
to be paid not later than the.....day of the month of
.....each year.

By command of the State Authority.

Granted thisday of.....19.....

Land Administrator

(L.S.) District.....

SCHEDULE OF LAND

District.....
 *Town/Village/Mukim.....
 Lot No.....Area of Lot.....

CONDITIONS

1. This lease shall terminate in the event of the death of the person, or dissolution of the body for the time being entitled to its benefit.
2. This lease may be terminated by the State Authority immediately upon, or at any time after, the occurrence of a breach of any rule, term or condition to which it is subject without payment of any compensation.
3. This lease may be terminated by the State Authority at its discretion at any time before the date of expiry of the lease notwithstanding that it has not become liable to termination for breach of any rule, term or condition, upon payment of such compensation as may be agreed or determined under section 434 of the National Land Code.

Here insert
any
additional
conditions

* Delete as appropriate.

(b) dengan meminda Borang 5A—

- (i) dengan memasukkan tanda “asterisk” sebelum perkataan-perkataan “Survey Fees”; dan
- (ii) dengan memasukkan perkataan-perkataan “documents of qualified title and” selepas perkataan-perkataan “Preparation and registration of”;
- (c) dengan meminda Borang 5D dengan menggantikan perkataan-perkataan “agriculture”, “commercial”, “industry” or “residential” dalam nota birai dengan perkataan-perkataan “Agriculture”, “Building”, “Industry” or “Nil”;

- (d) dengan meminda Borang 5E dengan menggantikan perkataan-perkataan “agriculture”, “commercial”, “industry” or “residential” dalam nota birai dengan perkataan-perkataan “Agriculture”, “Building”, “Industry” or “Nil”;
- (e) dengan meminda Borang 11A dengan memotong perkataan-perkataan “, having been applied for,” selepas perkataan-perkataan “Issue document of title”;
- (f) dengan meminda Borang 11B dengan memotong perkataan-perkataan “, having been applied for,” selepas perkataan-perkataan “Issue document of title”;
- (g) dengan meminda Borang 12C—
- (i) dengan memasukkan selepas tandatangan tuannya di atas Borang berkenaan, JADUAL berikut:

SCHEDULE

District	*Town/Village/ Mukim	Description and No. of Title	*Lot No./ L.O. No.	Area

* Delete as appropriate.

- (ii) dengan memotong perkataan-perkataan “or over any lease of such land” dalam perenggan (i) Huraian; dan
- (iii) dengan memotong perkataan-perkataan “to any interest” dalam perenggan (ii) Huraian;

(h) dengan meminda Borang 12D—

(i) dengan memasukkan selepas tandatangan tuannya di atas Borang berkenaan, JADUAL berikut :

SCHEDULE

District	*Town/Village/ Mukim	Description and No. of Title	*Lot No./ L.O. No.	Area

* Delete as appropriate.

”.

(ii) dengan memotong perkataan-perkataan “or over any lease or sub-lease of such land or any part thereof” dalam perenggan (i) Huraian; dan

(iii) dengan memotong perkataan-perkataan “or any interests therein” dalam perenggan (ii) Huraian;

(i) dengan meminda Borang 26A—

(i) dengan memotong perenggan 2; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “charge” dengan perkataan “chargee”; dan

(j) dengan menggantikan Borang 4 dengan yang berikut:

National Land Code

Form 4

(Section 124A)

**APPLICATION FOR VARIATION OF CONDITIONS,
RESTRICTIONS AND CATEGORIES IN RESPECT OF
PROPOSED SUB-DIVISIONAL PORTIONS OF LAND**

To the Land Administrator, District of.....

*I/We, the undersigned, *proprietor/co-proprietors of following land—

(i) *Town/Village/Mukim.....Lot No.....

Description and No. of Title.....Area.....

hereby apply for approval for variation of *condition/restriction/ category of the proposed sub-divisional portions thereof as shown in the proposed subdivisional plan attached.

For purposes of clarification, *I/we also attach an explanatory memorandum.

2. As required, *I/we now submit—

(a) the prescribed fee of \$.....;

(b) the proposed sub-division plan referred to above together with.....copies thereof;

*(c) a copy of the approval of the Planning Authority;

(d) a letter of consent from each of the following persons (being persons whose consent is required under sections 124 (1) and 136 (1) (e)), the particular reason for the consent being specified in each such letter:

(i)

(ii)

(iii)

Dated this.....day of.....19.....

.....
Signature of Proprietor

For Official Use Only

(A) Rent for current year paid

.....
Land Administrator

(B) (1) Subdivision as in attached plan approved.

(2) One copy of the said plan retained.

For use
when
planning
approval is
not earlier
obtained.

.....
Signature

.....
Planning Authority.....

(C) (1) Subdivision approved *subject to the following modifications—
.....
.....

(2) Variation of *condition/restriction/category of proposed subdivisional portions approved.

Dated this.....day of..... 19.....

.....
Director/Land Administrator

* Delete as appropriate.

Pindaan
Jadual
Kesepuluh.

29. Perenggan 13 Jadual Kesepuluh kepada Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "On receiving Chapter 2 or" dengan perkataan-perkataan "Before the registration of any document of qualified title under Chapter 2 of Part Eleven, or on receiving under Chapter".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Tanah Negara.

1. *Fasal 2* bertujuan memotong takrif-takrif "commercial purpose" dan "residential purpose" dan meminda takrif-takrif "rent" dan "State Authority".
2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 52 Kanun dengan mengurangkan bilangan kategori kegunaan tanah daripada empat kepada tiga.
3. *Fasal 4* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada seksyen 56 Kanun supaya selaras dengan seksyen 180 yang membuat peruntukan mengenai penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran dokumen hakmilik sementara secara automatik.
4. *Fasal 5* bertujuan membuat pindaan susulan terhadap proviso kepada seksyen 76 Kanun bagi memperuntukkan bahawa pemberimilikan tanah pesisiran pantai dan dasar laut tidak melebihi tempoh sembilan puluh sembilan tahun.
5. *Fasal 6* bertujuan memansuhkan seksyen 77A Kanun yang memperuntukkan pemberimilikan tanah baru di bawah hakmilik Pejabat Tanah sahaja.
6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 80 Kanun dengan memperuntukkan bahawa jikalau butir-butir hasil yang dinyatakan di bawah seksyen 81 tidak dibayar, maka kelulusan pemberimilikan akan luput.
7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 81 Kanun dengan memperuntukkan bahawa tiada bayaran akan dikenakan berhubung dengan penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran dokumen hakmilik sementara jikalau bakal tuan punya tanah telah menduduki tanah secara sah dengan harapan mendapatkan hakmilik pada masa Kanun Tanah Negara mula berkuatkuasa.

8. *Fasal 9* bertujuan meminda Kanun dengan menggantikan seksyen 116 mengenai syarat-syarat tetap yang menyentuh tanah-tanah tertakluk kepada kategori "commercial" dengan seksyen baru 116 mengenai syarat-syarat tetap yang menyentuh tanah-tanah yang tertakluk kepada kategori "building".

9. *Fasal 10* bertujuan memansuhkan seksyen 116A Kanun yang memperuntukkan syarat-syarat tetap yang menyentuh tanah-tanah tertakluk kepada kategori "residential".

10. *Fasal-Fasal 11 dan 12* bertujuan membuat pindaan-pindaan susulan kepada seksyen 122 dan 124 Kanun berikutan dengan pindaan kepada seksyen 52 yang mengurangkan kategori kegunaan tanah daripada empat kepada tiga.

11. *Fasal-Fasal 13, 14 dan 15* bertujuan meminda seksyen-seksyen 138, 143 dan 149 Kanun dengan memotong proviso yang menyatakan bahawa di mana tanah itu hendaklah diukur oleh Jurukur berlesen, sijil yang dikeluarkan oleh Lembaga Jurukur Tanah hendaklah dikemukakan untuk mengesahkan bahawa kerja-kerja pengukuran tanah tersebut akan dilaksanakan. Sijil tersebut akan diterima sebagai ganti untuk bayaran ukur. Peruntukan am yang berkaitan telah dimasukkan di dalam *Fasal 27*.

12. *Fasal-Fasal 16 dan 17* bertujuan membuat pindaan-pindaan kecil kepada seksyen 157A dan 157B Kanun.

13. *Fasal 18* bertujuan membuat pindaan-pindaan susulan kepada perenggan (b) seksyen 171 Kanun dan memotong subseksyen (5) seksyen tersebut yang memperuntukkan bahawa jika apa-apa fee yang kena dibayar di bawah seksyen 138 (4) (b) atau seksyen 171 (1) (d) tidak dibayar, fee itu hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada cukai yang kena dibayar terhadap bahagian-bahagian yang dipecah sempadan itu.

14. *Fasal 19* bertujuan membuat sedikit pindaan susulan kepada subseksyen (2) seksyen 177 Kanun berikutan dengan pemotongan subseksyen (3).

15. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 180 Kanun dengan membuat pindaan-pindaan susulan kepada subseksyen (1) dan dengan memotong proviso kepada subseksyen (2) berhubung dengan sijil oleh Lembaga Jurukur Tanah jika kerja-kerja pengukuran akan dibuat oleh Jurukur Berlesen.

16. *Fasal 21* bertujuan meminda seksyen 183 Kanun dengan memotong peruntukan mengenai sijil oleh Lembaga Jurukur Tanah jikalau kerja-kerja pengukuran akan dibuat oleh Jurukur Berlesen.

17. *Fasal 22* bertujuan memperuntukkan seksyen baru 187AA dalam Kanun untuk membolehkan Pentadbir Tanah mendaftar dan mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah hakmilik sementara yang termasuk dalam kawasan daerah baru.

18. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 204c Kanun dengan memotong bahagian-bahagian tertentu dalam perenggan (a) dan (b) subseksyen (2) yang bertentangan dengan peruntukan perenggan (d) subseksyen (1).

19. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 205 Kanun dengan memasukkan proviso kepada subseksyen (4) yang menyatakan bahawa apa-apa urusan niaga berhubung dengan mana-mana tanah milik pertanian atau apa-apa kepentingan di dalamnya yang kurang dari 2/5 hektar hendaklah untuk seorang atau satu badan sahaja supaya dapat mengelakkan pemecahan selanjutnya tanah-tanah pertanian. Di samping itu, subseksyen baru (5) ditambah sebagai peruntukan pengecualian yang membolehkan pendaftaran mana-mana suratcara urusan niaga yang disempurnakan sebelum kuatkuasa subseksyen (3) dan (4) yang baru, dan yang telah disetem sebelum atau dalam tempoh satu bulan dari tarikh kuatkuasanya.

20. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 327 Kanun dengan menggantikan subseksyen (2) yang mengenakan bayaran bagi setiap perserahan perintah Mahkamah untuk membatalkan kaveat persendirian dengan subseksyen baru (2) yang menghendaki Pendaftar mengambil tindakan yang sewajarnya apabila disampaikan dengan suatu perintah Mahkamah untuk pembatalan kaveat persendirian.

21. *Fasal 26* bertujuan membuat pindaan susulan kepada seksyen 396A Kanun untuk memasukkan perkataan-perkataan "new sub-district" di dalam perenggan (b) subseksyen (1) yang telah terdinggal.

22. *Fasal 27* bertujuan memperuntukkan seksyen baru 409A yang menyatakan bahawa di mana kerja-kerja ukur hendak dilaksanakan oleh Jurukur Berlesen, sebagai gantian fee ukur yang boleh dikenakan, satu sijil dari Lembaga Jurukur Tanah yang mengesahkan bahawa kerja-kerja ukur tanah akan dilaksanakan, bolehlah dikemukakan.

23. *Fasal 28* bertujuan meminda Borang 4AA, 5A, 5D, 5E, 11A, 11B, 12C, 12D, 26A dan 4. Pindaan-pindaan ini adalah pindaan susulan yang kecil.

24. *Fasal 29* bertujuan meminda perenggan 13 Jadual Kesepuluh Kanun berbangkit dari peruntukan seksyen 180 mengenai penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran dokumen hakmilik sementara secara automatik atas kelulusan pemberimilikan dan selepas pembayaran segala bayaran yang dikenakan.

IMPLIKASI-IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 1327.]